

ثقیقن تیتہ

PETIKAN TITAH

"DI tangan merekalah, terutama para pemimpin, kewajiban untuk membawa negara ini menjalani amalan bersyukur, iaitu melalui pimpinan dan urustadbir mereka dalam kerajaan. Salah satu dari ciri bersyukur itu ialah dengan melaksanakan keadilan."

- Titah Sempena Rombakan Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Pelantikan-Pelantikan Baru pada 9 Muharam 1437 Hijrah / 22 Oktober 2015 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسن ایمان

MANISNYA IMAN

"SEBAIK-baik yang engkau ambil bekerja ialah orang yang kuat (berkemampuan) dan amanah (dipercayai)."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qashash, ayat 26).

TAHUN 60 / BILANGAN 132

22 محرم 1437 / 4 NOVEMBER 2015

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Perry Lim Cheng Yeow.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) petang tadi berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Perry Lim Cheng Yeow.

Hadir pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit; Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Jaya Ratnam.

Turut hadir ialah Head of Joint Research of Singapore Armed Forces, Kolonel Seet Uei Lim; Commander of Naval Diving Unit, Republic of Singapore Navy, Kolonel Tan Hong Teck; Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Paduka Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji A. Rashid dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Abu Sufian bin Haji Ali.

TYT Mejar Jeneral Perry Lim Cheng Yeow berada di negara ini dalam rangka lawatan pengenalan selama tiga hari.

Kemajuan pelabuhan penting bagi pertumbuhan ekonomi

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Kemajuan pelabuhan memainkan peranan penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Pengangkutan melalui perairan laut adalah kaedah yang paling berdaya saing dari segi kos untuk perdagangan berbanding dengan lebuhraya, kereta api atau udara dan memainkan peranan yang penting bagi perkembangan perdagangan.

Perkara berkenaan telah dijelaskan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian Mesyuarat Persatuan Pelabuhan-

Pelabuhan ASEAN (APA) Kali Ke-14 bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

"Kita juga sedia maklum bahawa halangan-halangan bagi mencapai kos pengangkutan maritim berkesan dan rendah di rantau ini termasuk perubahan besar dalam kualiti infrastruktur pelabuhan dan prestasi serta kekurangan kemudahan akses pintu masuk pelabuhan untuk pengangkutan darat," ujarnya lagi.

Menurutnya, Mesyuarat APA adalah sangat penting bagi membantu pelabuhan kita untuk mencapai kejayaan baharu melalui inisiatif yang dibangunkan bagi mewujudkan nilai-nilai dan kecekapan usaha dalam menangani cabaran-cabaran ini.

Terdahulu itu, Awang Mohd. Riza menjelaskan, Mesyuarat APA berperanan sebagai platform bagi pelabuhan-pelabuhan anggota ASEAN berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dengan objektif untuk mengurangkan cabaran serta mempercepatkan peluang-peluang pembangunan yang sama dan meningkatkan kekuatan.

Tambahnya, platform ini juga digunakan untuk perbincangan yang lebih lanjut dan memulakan inisiatif bersama serta kemungkinan operasi bersama melalui latihan-latihan, seminar-seminar dan bengkel-bengkel yang diadakan.

Ke muka 16

BCFA rai 10 tahun penubuhan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Selasa, 3 November. - Penubuhan Persatuan Persahabatan Brunei - China (BCFA) dihasrat untuk meningkatkan persahabatan rakyat, kerjasama antarabangsa yang berterusan, melindungi kedamaian dunia dan menggalakkan pembangunan bersama.

Menurut Presiden Persatuan ASEAN-China, Puan Gu Xiulian, sejak ditubuhkan pada tahun 2005, persatuan tersebut secara aktif menjaga hubungan yang rapat dengan CAA dan persatuan persahabatan ASEAN yang lain dan telah banyak membuahkan hasil.

Ke muka 32



Muka 4

KESENIAN dan kebudayaan etnik tarikan pelancong

Pendidikan : Jangan terbabas dari landasan luhur MIB

Assalamu'alaikum
Warahmatullaahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaah 'Alihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

BETA bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir ke Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei (ITB) Tahun 2015.

Mula-mula, beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang. Ucapan tahniah ini juga beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang sentiasa meniupkan semangat cintakan ilmu kepada para graduan.


Beta difahamkan bahawa majlis konvokesyen kali ini akan menyaksikan penganugerahan sulung bagi program Ijazah Sarjana secara penyelidikan atau *Masters by Research* yang merupakan satu lagi pencapaian cemerlang bagi ITB. Beta juga mengambil maklum bahawa kemasukan para pelajar ke ITB dari dalam dan luar negara bagi program lepasan ijazah telah meningkat dua kali ganda pada tahun ini berbanding tahun yang lepas. Ini menunjukkan peningkatan keyakinan terhadap ITB.

Memang perlu bagi ITB bercita-cita lebih tinggi untuk mendapatkan kedudukan, sebanding dengan institusi-institusi terkemuka di dunia. Untuk ini ITB perlu mempunyai keazaman dan sistem pengajiannya yang berkualiti.

Ini semakin relevan, dengan negara turut mengalami tempas iklim ekonomi global yang tidak menentu. Kita mahu generasi masa kini mempunyai pendidikan tinggi untuk memacu ekonomi berasaskan pengetahuan.

Sehubungan dengan ini, adalah wajar bagi ITB untuk memberikan keutamaan dengan menawarkan kursus-kursus yang *leading edge* bagi memastikan pengeluaran graduannya mampu untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Beta dengan ini menyarankan agar ITB dan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB) sempena Majlis Konvokesyen Kali Ketiga Bagi Graduan Ijazah dan Majlis Konvokesyen Bagi Graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Kali Ke-24 ITB pada hari Sabtu, 18 Muharram 1437 Hijrah bersamaan 31 Oktober 2015 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

institusi-institusi pengajian tinggi lainnya melibatkan *stakeholders* yang berkaitan, supaya segala inisiatif, seperti pendidikan dan penyelidikan akan sentiasa relevan dan menyeluruh.

Menyentuh penglibatan *stakeholders*, beta gembira mengetahui bahawa terdapat pihak industri dari dalam dan luar negara yang menerima pelajar-pelajar ITB bagi tujuan penempatan, yang dipanggil *ExperiencePlus* dengan perbelanjaan ditaja sepenuhnya oleh

industri atau dikongsi sama oleh ITB. Melalui pendekatan *hands on* ini, akan melengkapkan lagi para graduan untuk menjadi graduan *job-ready*.

Di samping itu, beta juga suka menyarankan agar ITB dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain terus berganding bahu dan bekerjasama dengan industri, sektor perniagaan dan *stakeholder* kerajaan dalam mengembangkan ekosistem, penyelidikan dan perkembangan.

Universiti tidak diragukan lagi memainkan peranan penting dalam membina bakat atau *talent* untuk menjana ekonomi negara. Sebab itu Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik yang sedia ada, adalah dihasratkan untuk mereka yang benar-benar layak sahaja. Ini penting kerana impaknya memberi kesan besar dan langsung kepada pencapaian visi ITB serta menjadi pemangkin kepada pembangunan insan dan negara.

Secara khusus, beta ingin menyebut di sini peranan pendidikan dalam negara sedang membangun. Tidak diragukan lagi, Brunei kini adalah sebuah negara sedang membangun dan selaku negara sedang membangun, sasaran utamanya ialah untuk mencapai taraf 'negara maju'.

Dalam menuju sasaran ini, negara tentu saja memerlukan pelbagai rancangan kemajuan, termasuk rancangan dan pelaksanaan di bidang pendidikan.

Maka dalam kesempatan ini, beta ingin mengingatkan, supaya pihak berkenaan, janganlah sekali-kali terbabas daripada landasan luhur : MIB, apabila kita merancang sesuatu rancangan untuk pendidikan.

Demikian juga, apa-apa yang sudah sedia ada, janganlah lalai daripada mengulang kaji. Mana-mana yang baik dikekalkan, tetapi jika terdapat sesuatu yang bertentangan dengan falsafah atau konsep MIB, maka itu semua tidaklah wajar didiamkan, melainkan ianya perlu diulang kaji semula dan diperbaiki.

Akhirnya, beta sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang sama-sama kita raikan pada pagi ini. Beta juga penuh berharap dengan kejayaan ini, para graduan akan menyumbangkan khidmat, bukan sahaja kepada kerajaan malahan juga kepada ugama, bangsa dan negara.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada semua warga ITB, yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli-Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala pengorbanan mereka, dengan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

4 NOVEMBER 2015 BERSAMAAN 1437 محرم 22

Fahami MIB sebaiknya

PENDIDIKAN bercaklakkan Melayu, Islam Beraja (MIB) untuk sama-sama mempersiapkan, membentuk dan membina keperibadian seseorang bukanlah tugas dan tanggungjawab yang mudah.

"Maka dalam kesempatan ini, beta ingin mengingatkan, supaya pihak berkenaan, janganlah sekali-kali terbabas daripada landasan luhur : MIB, apabila kita merancang sesuatu rancangan untuk pendidikan," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB) sempena Majlis Konvokesyen Kali Ketiga bagi Graduan Ijazah dan Majlis Konvokesyen bagi Graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Kali Ke-24 ITB pada hari Sabtu, 18 Muharram 1437 Hijrah bersamaan 31 Oktober 2015 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Pastinya semua itu memerlukan kepada pengaturan yang betul-betul rapi dan selaras dengan MIB. Seseorang yang hendak mendidik anak bangsa pastinya perlu memahami apa yang dimaksudkan dengan MIB dan siapa sahaja yang tergolong dalam Melayu?

Melayu yang didefinisikan adalah sebagai tujuh puak jati yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri 1959 pastinya tidak akan dapat diubah ganti. Melayu Brunei, Belait, Bisaya, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong adalah mereka yang dimaksudkan dengan 'Melayu'.

Pastinya tiada diskriminasi atau terma anak tiri timbul dalam mendidik dan mempersiapkan mereka dengan pendidikan selaras untuk pembangunan dan kemajuan negara di masa hadapan.

Islam sebagai agama rasmi negara ini pastinya menjadi agama majoriti penduduk di negara ini. Namun penganut agama lain juga tidak dinafikan memang terdapat dan dianut oleh beberapa peratus dari keseluruhan penduduk negara ini. Walaupun berpegang pada kepercayaan berbeza, namun negara dan rakyat serta penduduk tetap bersatu aman, makmur dan harmoni dari dahulu hingga kini.

Manakala Beraja merujuk kepada negara yang diperintah oleh seorang raja yang dikenali dengan gelaran sultan di mana kuasa pemerintahan adalah diwarisi secara turun temurun. Pemimpin yang juga disebut sebagai ulil amri pastinya mentadbir dan membangun negara berasaskan kepada ajaran agama suci kita di negara ini, iaitu Islam.

Jika MIB dipaksakan dalam pendidikan dan pentadbiran negara, pasti tiada cacat cela, apatah lagi jika ia difahami sedalamnya, sudah pasti aman sejahtera bahagia selamanya, Negara Brunei Darussalam akan dibangun atas dasar kesepakatan bersama, bukan atas dasar kepentingan 'saya' atau diri sendiri.

Ditambah lagi dengan ketua yang penuh tanggungjawab jujur amanah lagi berhati sama, pastinya semua kerja akan beres tak sempat hendak berjaga sehari atau semalam dua.

- Ketua Penyuntingan (Nb).

Ramanas Cusca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
SANDAR SENI BAWAH		
32° C	25° C	33° C
MUARA		
32° C	25° C	33° C
PEKAN BANGAR		
31° C	25° C	32° C
PEKAN TUTONG		
32° C	25° C	33° C
PEKAN SERIA		
32° C	25° C	33° C
KUALA BELAIT		
32° C	25° C	33° C

Wallaahualam Bissawab

Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Telefon: 2345567 Talian Cusca: 114

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahhmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Mohammad Rainie Haji Durani

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin,
Muhammad Hafizhuddin Tasad

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Hijrah inspirasi membuat pembaharuan


BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 November. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1437 yang dipengerusikan bersama oleh Jabatan Majlis Mesyuarat (JMMM) dan Jabatan Penyelidikan Brunei bagi JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan Majlis, JMMM, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Hadir sama ialah Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja dan Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal; Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, selaku Pengerusi Majlis; Ahli-Ahli Yang Berhormat MMN, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan pengarah-pengarah JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Pegawai Perhubungan Awam JMMM, Dayang Siti Ajeerah



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1437 bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

binti Najib, diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Berhijrah Untuk Membangun' oleh Awang Haji Mail bin Haji Besar dari Pusat Daw'ah

Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Ceramah antaranya menghuraikan mengenai cara kehidupan penduduk

di negara ini yang beragama Islam seperti cara kehidupan, cara beribadat, berekonomi, bersosial dan sebagainya.

Agama Islam sebagai agama rasmi negara, jelasnya, diperkukuhkan dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan diperkukuhkan lagi

dengan konsep Negara Zikir yang menjadi kekuatan negara ini.

"Kita diseru bagi mengambil iktibar dari penghijrahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Kota Makkah ke Kota Madinah Al-Munawarah lebih 1,400 tahun yang lalu di mana semasa penghijrahan Baginda menghadapi beberapa cabaran dan akhirnya Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berjaya mengembangkan agama Islam," ujarnya.

Melalui penghijrahan tersebut, tambahnya, hijrah itu memberikan inspirasi kepada setiap umat Islam sekalian untuk meraih prestasi yang baik dalam pembaharuan yang dibuat.

"Jika kita melakukan pekerjaan yang sama nescaya hasil yang kita dapat juga sama, akan tetapi jika kita membuat perubahan dengan meningkatkan prestasi diri kita kepada yang lebih cemerlang maka akhirnya kita juga akan mendapat hasil yang cemerlang," tambahnya.

Majlis sambutan tersebut merupakan acara tahunan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi memperingati hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping memupuk semangat membangun sebuah negara Islam yang kukuh dan disegani.



YANG Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1437 bagi JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya (atas), sementara gambar bawah antara pegawai dan kakitangan yang hadir ketika majlis berkenaan.



MAJLIS dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Dayang Siti Ajeerah binti Najib.



MAJLIS turut diserikan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk 'Berhijrah Untuk Membangun' yang disampaikan oleh Awang Haji Mail bin Haji Besar.

Kesenian dan kebudayaan etnik tarikan pelancong



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong melancarkan Hari Warisan, Kesenian dan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong (atas), sementara gambar atas kiri, Yang Berhormat menandatangani plak perasmian.

TUTONG, Isnin, 2 November. - Hari Warisan, Kesenian dan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong merupakan satu platform dalam memberikan pengetahuan tentang warisan, kesenian

dan kebudayaan lima etnik masyarakat di Daerah Tutong.

Sehubungan itu, Pelancaran Hari Warisan, Kesenian dan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong berlangsung di

Taman Rekreasi Sungai Basong yang disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Semasa ditemu bual, Yang Berhormat berkata, inisiatif pelancaran tersebut bukan saja memberikan *avenue* untuk pelancongan, tetapi diharap dapat meningkatkan imej khususnya etnik-etnik di daerah itu.

Kehadiran duta-duta besar dan pesuruhjaya tinggi luar negeri pada pelancaran ini, tambah Yang Berhormat, sekali gus memberikan gambaran kepada mereka yang berada di luar negara.

Yang Berhormat seterusnya berharap dengan meningkatkan acara-acara yang berupa pelancongan ini, dapat memberikan peluang pekerjaan kepada generasi baru dan ini akan dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara ini, di samping memberikan wajah baharu kepada Daerah Tutong.

Program julung kali diadakan itu dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Pekan Tutong,



YANG Berhormat melawat rumah Puak Chung Hwa.

Mukim Keriam serta Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong bersama Jabatan

Daerah Tutong, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Tutong dan Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Bersempena dengan pelancaran berkenaan, pelbagai acara disusun sepanjang bulan November ini termasuklah Car Boot Sale selama tiga hari bermula 6 November di taman berkenaan.

Selain itu, Persembahan Malam Kebudayaan Etnik Daerah Tutong juga diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan di daerah itu yang mempersembahkan keunikan dan keindahan seni warisan budaya etnik, di samping demonstrasi makanan dan kraf tangan serta penyajian makan malam berkonsepkan 'Lakanon Tutong' (Sajian Warisan Tutong).

Kedudukan taman rekreasi yang strategik dengan landskap yang menarik serta kemudahan-kemudahan yang disediakan berpotensi menjadi pusat kebudayaan dan warisan daerah itu, di samping menawarkan aktiviti-aktiviti berbentuk riadah, sukan, pendidikan dan perekonomian yang berdaya tahan dan berdaya maju, setentunya memberi faedah dan manfaat yang besar.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri menyaksikan hasil kraf tangan Puak Iban.



PERSEMBAHAN budaya Puak Iban turut dipersembahkan sempena Pelancaran Hari Warisan, Kesenian dan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong.



Aktiviti pelancongan, jana pendapatan sampingan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohd. Taha bin Abd. Rauf yang juga Penghulu Mukim Keriam, selaku Pengerusi Majlis Pelancaran Hari Warisan, Kesenian dan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong semasa berucap pada majlis berkenaan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Isnin, 2 November. - Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Tutong serta semua golongan masyarakat telah dapat memanfaatkan aktiviti pelancongan dan perekonomian yang telah diterajui oleh Jabatan Daerah Tutong sebagai sumber pendapatan sampingan yang mampan dan berdaya tahan selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Perkara itu dijelaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohd. Taha bin Abd. Rauf yang juga Penghulu Mukim Keriam, selaku Pengerusi Majlis Pelancaran Hari Warisan, Kesenian dan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong, berlangsung di Taman Rekreasi Sungai Basong, Pekan Tutong.

"Alhamdulillah, melalui sokongan yang padu dan penglibatan menyeluruh dari semua masyarakat khususnya di daerah ini, kita akan dapat memajukan lagi Daerah Tutong dan daerah-daerah lain, di samping

menanamkan nilai-nilai perpaduan demi kebajikan, kesejahteraan dan keselamatan kita bersama," jelas Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai Hari Warisan, Kesenian dan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong, Yang Berhormat menjelaskan bahawa program yang julung-julung kali diadakan itu memberi peluang kepada para pelawat dan pelancong untuk melihat secara dekat lagi tentang suasana dan cara hidup zaman masa silam setiap puak dan masyarakat yang diperlihatkan melalui rumah-rumah budaya masing-masing yang mempunyai keunikan warisan dan budaya yang tersendiri.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa melalui promosi yang berterusan, program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan, termasuk daripada penuntut-penuntut sekolah dan institusi pengajian tinggi, kedutaan-kedutaan luar negeri dan juga orang ramai.

NBD sertai Pertandingan Antarabangsa Al-Malik Abd. Aziz

Oleh : Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod
Foto : Azmah Haji Ahad



PENUNTUT Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Hassan Nasrullah Aiman bin Mohamad Azami bersama ketua rombongan yang juga jurulatih peserta negara iaitu Awang Mohd. Ali Sabri bin Haji Yusof, Tenaga Pengajar ITQSHHB.



AWANG Hassan Nasrullah Aiman semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Negara Brunei Darussalam menghantar peserta bagi menyertai Pertandingan Antarabangsa Al-Malik Abd. Aziz bagi Menghafaz, Membaca dan Mentafsir Al-Qur'an Ke-37 di Makkah Al-Mukarramah yang akan diadakan pada 7 hingga 11 November 2015 nanti.

Peserta negara yang diwakili oleh Awang Hassan Nasrullah Aiman bin Mohamad Azami, penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) semasa ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei mengakui telah membuat persiapan bagi pertandingan dengan mengulang

pembacaan setiap hari sebanyak lima juz bermula tiga bulan yang lalu.

Selain itu, beliau juga mendapat latihan daripada tenaga pengajar yang sangat berpengalaman dan juga pernah mengikuti pertandingan seumpamanya yang mana beliau banyak menerima nasihat yang baik bagi mendapatkan keputusan yang sangat baik dari segi lagu, tajwid dan hafalan beliau.

Beliau berharap untuk memenangi pertandingan ini dan mendapat pencapaian yang cemerlang.

Sementara itu, ketua rombongan yang juga jurulatih peserta negara, Awang Mohd. Ali Sabri bin Haji Yusof, Tenaga Pengajar ITQSHHB berkata, sebelum pertandingan itu diadakan, persiapan-persiapan telah dibuat dengan membuat soalan-soalan untuk peserta negara mengikut juz-juz yang akan diikuti peserta negara, iaitu Kategori 15 Juz Al-Qur'an.



AWANG Mohd. Ali Sabri semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

Lima produk kosmetik dicemari bahan terlarang

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November.- Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan lima produk kosmetik yang mana hasil dari ujian makmal Bahagian Kawalan Mutu Ubat, Jabatan Perkhidmatan Farmasi telah mendapati bahawa produk-produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisytiharkan.

Produk berkenaan telah didapati melalui aktiviti pemantauan semasa pasaran yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi di kedai-kedai runcit.

Produk kosmetik berkenaan adalah seperti berikut iaitu Collagen Gold-Day and Night Cream, Super Cream Mutiara, Natural 99 King Bleaching Whitening Cream (White Colour) dan New Original Dr-Doktor Pemutih Night Cream yang dicemari dengan merkuri.

Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Merkuri adalah bahan yang dilarang dalam produk kosmetik seperti yang ditetapkan di

bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007.

Penggunaan merkuri di dalam produk kosmetik adalah dilarang kerana ia boleh memudaratkan kesihatan. Tahap merkuri yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh menyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Anak damit dan kanak-kanak kecil boleh terdedah dengan kesan sampingan dari pengguna; yang boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau anak damit yang belum dilahirkan.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan dan mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk-produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya



PRODUK-PRODUK kosmetik yang dicemari bahan terlarang terdiri daripada Collagen Gold-Day and Night Cream, Super Cream Mutiara, Natural 99 King Bleaching Whitening Cream (White Colour) dan New Original Dr-Doktor Pemutih Night Cream yang dicemari dengan merkuri.

dengan serta-merta. Jika mereka mengalami kesan *advers* dan merasa tidak sihat selepas memakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan secara *online* seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk

kosmetik di pasaran tempatan tanpa Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa di Kementerian Kesihatan, dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000 penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi jika mendapati produk-produk

berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Penguatkuasaan Farmasi melalui talian telefon 2393298 sambungan 208, menghantar e-mel kepada pharmacy.enforcement@moh.gov.bn atau berjumpa terus Pegawai Penguatkuasaan Farmasi di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'.

ACWW kunjungi WI Tutong



ROMBONGAN dari Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) yang diketuai oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tunku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Sultan Iskandar Al-Haj, Presiden ACWW bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh (ATTJ) bergambar kenangan semasa mengadakan kunjungan kerja ke WI Cawangan Tutong.

Oleh : Ihsan HM Yusof

silaturahmi di antara ACWW dan ahli-ahlinya.

Semasa lawatan, rombongan berkesempatan mendengar taklimat ringkas mengenai WI Cawangan Tutong, di samping menyaksikan demonstrasi pembuatan kuih tempatan dan menanam pokok sempena kenangan lawatan.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tunku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah juga terkenal dengan minatnya yang mendalam terhadap bidang masakan dan pernah mengeluarkan buku resepnya sendiri, 'Air Tangan Tengku Puan Pahang & Masakan Tradisional Pahang' telah menunjukkan minat kuih-muih asli Brunei seperti kuih Rangin, Gatas, Cacah dan Penyaram serta telah berkesempatan mencuba sendiri dalam proses pembuatannya.

Turut hadir menyambut rombongan tersebut ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dan Penasihat WI, Datin Hajah Masni binti Haji Md. Ali serta Presiden WI, Dayang Hajah Marhani binti Abdul Latif.

TUTONG, Isnin, 2 November. - Serombongan dari Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) mengadakan kunjungan kerja ke WI Cawangan Tutong (Persatuan Wanita Tutong) di

bangunan persatuan tersebut di Pekan Tutong.

Rombongan diketuai oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tunku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah

Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Sultan Iskandar Al-Haj, Presiden ACWW bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh (ATTJ). Turut hadir ialah Presiden ACWW, Puan

Ruth Shanks.

Lawatan antara lain bagi meninjau kegiatan persatuan-persatuan di bawah kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh, di samping mengeratkan



KEBAWAH DUTM Tunku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan rombongan menyaksikan demonstrasi membuat kuih tempatan (kiri), sementara gambar atas, ahli rombongan ACWW menanam seponon pokok sempena lawatan ke WI Cawangan Tutong.

Festival Korea bermula 6 November 2015

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 November. - Pusat Membeli-Belah Times Square dengan kerjasama Kedutaan Republik Korea serta Pertubuhan Pelancongan Korea dan 'Imagine Your Korea' akan menganjurkan Festival Korea 2015 buat kali kedua pada hari Jumaat, 6 hingga 8 November 2015.

Festival tersebut akan menyediakan pelbagai aktiviti dan demonstrasi seperti kuiz, demonstrasi masakan, persembahan silat, persembahan seni pasir, pakaian tradisional Hanbok Korea dan Bengkel Lukisan Korea, di samping persembahan komedi, Babbling Perfordian ONGALS dari republik tersebut yang akan

dipersembahkan pada 6 November, malam Sabtu bermula pukul 8.30 malam.

Sementara pada malam berikutnya iaitu malam Ahad dan Isnin persembahan akan bermula pukul 8.00 malam.

Selain pelbagai persembahan, festival juga akan diisikan dengan

cabutan bertuah yang menawarkan dua tiket penerbangan ke Korea Selatan, di samping hadiah-hadiah lain termasuk alat-alat elektronik dan bawcar dari restoran Korea.

Penyampaian hadiah cabutan bertuah akan diadakan pada hari terakhir perayaan itu, hari Ahad,

8 November pukul 8.30 malam.

Orang ramai dialu-alukan untuk menyertai dan menghadiri festival berkenaan.

Maklumat lanjut mengenai bolehlah menghubungi talian 2338208 atau 2338006 pada waktu pejabat.

Pemenang Minda Pembaca!



Hijrah Rasulullah manifestasi pembangunan ummah

PERISTIWA Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah manifestasi pembangunan sebuah masyarakat yang berteraskan Al-Qur'an, di mana Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan ganjaran yang istimewa pada sesiapa sahaja yang berpegang dan mempertahankan agama-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah ayat 20 yang tafsirannya kira-kira bermaksud : *"Orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah dengan harta benda dan diri mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah. Mereka itulah orang yang*

memperolehi kemenangan".

Melalui peristiwa hijrah ini, terdapat banyak hikmah yang boleh kita terokai dan ambil pengajaran daripadanya. Antaranya ialah pengorbanan yang ditunjukkan oleh kedua-dua kaum, iaitu kaum Ansar di Madinah dan kaum Muhajirin dari Mekah yang tiada tolok bandingnya dan tidak bekesudahan demi memelihara agama Allah Subhanahu Wata'ala dan rasul-Nya. Sebagai contoh, pengorbanan kaum Muhajirin yang sanggup meninggalkan tanah kelahiran, harta benda serta keluarga mereka di Mekah, dan pengorbanan kaum Ansar

yang rela menghibbahkan harta benda mereka terhadap kaum Muhajirin yang sampai di Madinah dan pada ketika itu mereka tidak memiliki sebarang harta.

Berdasarkan pengorbanan tersebut, maka lahirlah sebuah kerajaan yang meninggalkan bekas dalam catatan-catatan sejarah. Adapun mesej yang disampaikan dalam peristiwa hijrah ini ialah kita akan memperoleh pertolongan Allah dengan mengubah tekad dan kezaman hanya semata-mata kerana Allah, dan mesej seterusnya ialah dengan menjadikan amalan bantu-membantu sesama kita akan mendapat keberkatan daripada Allah. Jelas di sini, jika kita sebagai rakyat Brunei sentiasa menghayati amalan dalam peristiwa hijrah ini, maka akan tercapailah hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara kita sebagai negara zikir.

Akhirnya, marilah kita meraikan perayaan-perayaan kebesaran Islam dengan menghayati kejadian-kejadian yang berlaku disebalik peristiwa tersebut serta mengambil ibrah daripadanya dan seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan kita sehari-hari. Manakala Al-Qur'an, Al-Hadis serta pendapat ulama-ulama muktabar pula dijadikan sebagai sandaran pada tiap-tiap aspek kehidupan kita.

Nama : Dk. Izzah Syakirah @ Dk. Najwa binti Pg. Haji Nordin

No. K/P : 01-054893 (K)

Alamat : No. 3, Simpang 1273-44, Kampung Tanjung Bunut, Jalan Tutong, BF 2920, Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Banteras Jenayah Penyalahgunaan Dadah Haram'. Tarikh Tutup : **4 November 2015**.
2. 'Gunakan Teknologi Terkini dengan Bijak'. Tarikh Tutup : **11 November 2015**.
3. 'Amanah dan Adil dalam Kepimpinan'. Tarikh Tutup : **18 November 2015**.

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn**

4. Sebanyak satu penyertaan terbaik akan disiarkan dalam **Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI** dan akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Kepekaan ibu bapa terhadap aktiviti anak-anak semasa cuti persekolahan

CUTI persekolahan bagi murid-murid dan penuntut-penuntut sekolah di Negara Brunei Darussalam akan bermula awal Disember ini. Cuti persekolahan pada kali ini akan mengambil masa yang agak lama. Dengan jangka yang agak panjang ini pastinya akan menimbulkan berbagai perasaan gembira khusus bagi murid-murid dan penuntut-penuntut sekolah tidak kurang juga kepada ibu bapa mereka. Pelbagai rancangan diatur untuk mengisi masa cuti persekolahan ini, antaranya melancong ke luar negara, berkelah, bersukan, bersiar-siar di tempat menarik dan tidak ketinggalan juga mengadakan majlis-majlis seperti majlis perkahwinan dan sebagainya. Di samping itu, juga ada yang menetapkan cuti persekolahan ini dengan membuat kerja-kerja di rumah membantu kedua ibu bapa.

Sepanjang tahun bekerja keras belajar bagi mendapatkan ilmu pengetahuan berguna bagi kepentingan hidup dunia dan akhirat, sudah setentunya masa cuti persekolahan ini digunakan untuk merehatkan otak dan menenangkan fikiran dengan mengisikan perkara-perkara yang berfaedah.

Adalah tidak menjadi kesalahan bagi seseorang Muslim menghiburkan hati dan bergembira dengan sesuatu yang melapangkan

dada selama mana perbuatan atau aktiviti tersebut tidak menyalahi lunas-lunas yang dibenarkan oleh agama dan tidak bertentangan dengan hukum syara'.

Dalam hal ini, ibu bapa berperanan memata-matai anak-anak mereka dalam mengisi masa percutian dengan perkara-perkara berfaedah dan tidak membiarkan mereka melakukan sesuatu perkara sia-sia yang boleh merosakkan akhlak umpamanya lepak di sana sini, keluar bersama teman-teman lelaki dan perempuan dan pulang ke rumah larut malam. Ibu bapa juga perlu memastikan mereka tidak berkumpul di kawasan-kawasan awam atau lepak sepanjang malam sehingga berlaku pergaulan bebas yang tidak dibenarkan oleh syara', aktiviti jenayah dan sebagainya.

Sementara itu, aktiviti kanak-kanak hendaklah sentiasa diambil perhatian yang tegas dan diikuti dari semasa ke semasa terutama bagi mereka yang selalu melayari internet kerana dikhuatiri akan melayari laman-laman sesawang yang berunsur negatif yang akan melibatkan mereka kepada aktiviti kurang sihat dan masalah sosial.

Seandainya perkara ini tidak dipantau dengan teliti akan timbul pelbagai kemungkaran dan keruntuhan moral di kalangan anak-anak

dan sekaligus akan melalaikan diri mereka dalam menyempurnakan tanggungjawab terhadap Allah Subhanahu Wata'ala seperti melalaikan sembahyang lima waktu. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Ma'uun ayat 4 hingga 5, tafsirnya :

"Maka celakalah orang-orang bersembahyang. (Iaitu) mereka yang lalai terhadap sembahyang mereka."

Anak-anak pada lazimnya bersifat kurang matang apabila berdepan dengan cabaran. Mereka mudah terpedaya dengan apa juga cabaran di sekelilingnya. Oleh itu, ibu bapa bertanggungjawab membimbing anak-anak supaya tidak terpedaya dengan anasir buruk yang akan merosakkan masa depan mereka.

Di antara punca gejala-gejala tersebut

ADALAH tidak menjadi kesalahan bagi seseorang Muslim menghiburkan hati dan bergembira dengan sesuatu yang melapangkan dada selama mana perbuatan atau aktiviti tersebut tidak menyalahi lunas-lunas yang dibenarkan oleh agama dan tidak bertentangan dengan hukum syara'.



berlaku berkemungkinan disebabkan oleh kelalaian ibu bapa dalam mendidik dan memperbaiki diri anak-anak mereka dan kurang menunjuk ajar serta membimbing mereka. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah at-Tahrim ayat 6, tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia (orang kafir) dan batu-batu berhala, penjaganya ialah malaikat-malaikat yang kasar lagi keras (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap apa jua yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan."

Eksesais CARAT tingkatan kemahiran ketenteraan



PEMERINTAH Logistik Kumpulan Pasifik Barat dan Pemerintah Pasukan Bertindak 73, Laksamana Muda Charlie Williams merasmikan pembukaan Eksesais CARAT Brunei Ke-21 di Pusat Koordinasi Berbilang Negara.

MUARA, Isnin, 2 November. - Eksesais Cooperation Afloat Readiness and Training (CARAT) Brunei Ke-21 bermula dengan majlis perasmian yang berlangsung di Pusat Koordinasi Berbilang Negara (MNCC).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemerintah Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Dato Seri Pahlawan Brigedier Jeneral (U) Haji Hamzah bin Haji Sahat.

Pembukaan Eksesais CARAT dirasmikan oleh Pemerintah Logistik

Kumpulan Pasifik Barat dan Pemerintah Pasukan Bertindak 73, Laksamana Muda Charlie Williams.

Laksamana Muda Charlie Williams dalam ucapannya menjelaskan, perairan laut telah menghubungkan negara, rakyat dan pasukan tentera laut sejak Konstitusi USS mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam buat kali pertama pada tahun 1845.

"Sebagai latihan utama tentera laut kita dalam kerjasama di laut pada jangka panjang yang sekian lama, CARAT Brunei menyediakan peluang untuk meningkatkan kemahiran



PEMERINTAH Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Dato Seri Pahlawan Brigedier Jeneral (U) Haji Hamzah bin Haji Sahat hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Eksesais CARAT Brunei Ke-21.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

dan kerjasama dalam penyediaan perkhidmatan negara dan rantau ini bagi tahun-tahun yang mendatang," ujarnya.

ABDB telah mengambil bahagian sejak latihan ini bermula pada tahun 1995 yang mana ia menyediakan tempat bagi tentera laut serantau untuk berkongsi amalan terbaik, membina hubungan dan meningkatkan kerjasama keselamatan maritim.

Eksesais CARAT yang akan berakhir hingga 11 November ini nanti, disertai oleh Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) itu bertujuan untuk meningkatkan

kerjasama serantau, membina persahabatan dan mengukuhkan kemahiran profesional dalam kalangan angkatan yang mengambil bahagian.

Komander Pasukan Petugas (CTG) untuk latihan ini ialah Kapten HB Le, Commodore daripada Destroyer Skuadron 7 (DESRON 7) Tentera Laut Amerika Syarikat, manakala Timbalan Komander Pasukan Petugas (DCTG) adalah Komander Shamsul Bahren bin Taweh dari TLDB.

Semasa latihan CARAT itu, pelbagai jenis latihan di laut, udara dan darat telah dirancang termasuk Military Operations Urban Terrain (MOUT), Latihan Penerbangan Mencari dan Menyelamat (SAR).

Sempena eksesais tersebut juga akan diadakan Simposium Tentera dan Operasi Undang-Undang Antarabangsa (MILOPS), Penyelenggaraan Penerbangan dan Hal Ehwal Awam.



PEMERINTAH Logistik Kumpulan Pasifik Barat dan Pemerintah Pasukan Bertindak 73, Laksamana Muda Charlie Williams semasa berucap pada perasmian Eksesais CARAT Brunei Ke-21.

Program interaksi seperti projek Perkhidmatan Masyarakat (Comserve) dan persembahan pancaragam bersama antara kedua-dua pasukan juga akan diadakan semasa latihan bersama selama seminggu.

Eksesais CARAT tahunan ini merupakan siri latihan dua hala dengan Angkatan Laut Amerika Syarikat, Marine Corps dan tentera daripada sembilan negara termasuk Bangladesh, Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Timor Leste.

Sejak penglibatan ABDB dalam Eksesais CARAT bersama Tentera Laut Amerika Syarikat, latihan tersebut berjaya mempamerkan kematangan kerjasama pertahanan serantau di antara kedua-dua negara.

ANTARA yang hadir pada majlis perasmian tersebut.



Lawatan rasmi Pemerintah ABDB ke Bangladesh

Berita dan Foto : Ihsan MinDef

DHAKA, BANGLADESH. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulikan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah berserta rombongan telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Dhaka, Bangladesh pada 27 hingga 30 Oktober 2015 yang lalu.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala yang profesional dan kerjasama pertahanan di antara kedua-dua angkatan tentera dan negara amnya.

Dalam lawatan tersebut, Pemerintah ABDB telah mengadakan kunjungan hormat kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid di Bangabhaban, di Pejabat Presiden Bangladesh.

Pemerintah ABDB turut memberikan pujian ke atas Presiden berkenaan dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti angkatan tentera Bangladesh, sementara Presiden Bangladesh pula melahirkan rasa gembira kerana Negara Brunei Darussalam dan Bangladesh mempunyai hubungan dua hala yang sangat baik dan menggalakkan untuk meningkatkan program pertukaran latihan di antara anggota-anggota tentera.

Dalam rangka lawatan kerja selama empat hari itu, Yang Dimulikan juga berkesudian meletakkan bagi upacara kalungan bunga sebagai tanda penghormatan kepada anggota-anggota angkatan tentera yang mati syahid di Tugu 'Shikha Anirban' di Dhaka Cantonment.

Sementara di Senakunja, Pemerintah ABDB juga telah menerima upacara kawalan kehormatan serta berkesudian menanam anak pokok dan kemudiannya mengadakan perjumpaan dan kunjungan hormat secara berasingan dengan Ketua Turus Tentera Darat Bangladesh, Jeneral Abu Belal Muhammad Shaful Huq di Markas Tentera Darat; Ketua Turus Tentera Laut Bangladesh, Laksamana Madya Muhammad Farid Habib di Markas Tentera Laut, NBP; Ketua Turus Tentera Udara Bangladesh,

Marsyal Udara Abu Esrar di Markas Tentera Udara dan Ketua Pegawai Turus Cawangan Angkatan Tentera Bangladesh, Leftenan Jeneral Md. Mainul Islam di Markas Cawangan Angkatan Tentera.

Semasa lawatan ini, Pemerintah ABDB bersama lima orang rombongan turut membuat lawatan ke Maktab Pertahanan Kebangsaan (NDC), Maktab Turus dan Perintah Perkhidmatan Pertahanan (DSCSC) serta Akademi Tentera Bangladesh.

Yang Dimulikan telah memuji institusi-institusi tentera tersebut kerana mempunyai tahap kursus latihan mereka yang bertaraf antarabangsa serta mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama khususnya mengenai latihan di antara Angkatan Tentera Bangladesh dan ABDB.

Selain itu, Pemerintah ABDB juga menghadiri Majlis Jamuan Makan Malam Rasmi yang dihoskan oleh Jeneral Abu Belal Muhammad Shaful Huq sempena lawatan kerja rasmi tersebut.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulikan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah ketika mengadakan kunjungan hormat kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid di Bangabhaban, di Pejabat Presiden Bangladesh.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih berserta rombongan bergambar ramai bersama Ketua Turus Tentera Darat Bangladesh, Jeneral Abu Belal Muhammad Shaful Huq dan para pegawai tertinggi angkatan tentera Bangladesh semasa lawatan kerja rasmi ke Dhaka, Bangladesh.

Wakili negara ke Osaka, Jepun

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohd. Mahdi Haji Morsidi

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah pegawai-pegawai dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Pada forum tersebut itu nanti, beliau akan membentangkan kertas kerja mengenai kesedaran orang-orang Brunei terhadap pencemaran asap kenderaan.

Sebanyak 21 buah negeri menyertai forum tersebut yang dianjurkan oleh beberapa institusi, iaitu Wakayama Prefectural Government; Wakayama Prefectural Board of Education and Host High Schools; Wakayama Prefectural Naga High Scholl; Wakayama Prefectural Tanabe High Schools dan Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA).



PEGAWAI-PEGAWAI dari SM YSHHB dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan hadir mengucapkan selamat belayar kepada Dayang Rabiatul Adawiyah.



DAYANG Rabiatul Adawiyah binti Haji Rosmin dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB), mewakili Negara Brunei Darussalam dalam 'Asian and Oceansian High School Students' di Osaka, Jepun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 November. - Dayang Rabiatul Adawiyah binti Haji Rosmin dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, berlepas menuju Osaka, Jepun bagi mewakili Negara Brunei Darussalam pada Forum 'Asian and Oceansian High School Students' yang berlangsung 4 hingga 8 November ini.

PPNBD sertai Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke- 25

Oleh : Hamdanajib Haji Domeng
Foto : PPNBD

BERAKAS, Ahad, 1 November. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) akan menyertai Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-25 anjuran Pergerakan Pertubuhan Pengakap Sedunia / Pejabat Pengakap Rantau Asia Pasifik dengan kerjasama Persekutuan Pengakap Korea yang akan bermula pada 3 hingga 8 November 2015 bertempat di Pusat Persidangan Kimdaejung, Gwang-ju, Korea Selatan.

Adalah dijangkakan lebih 1,000

perwakilan pengakap dari 29 buah negara seluruh rantau Asia Pasifik akan menyertai persidangan yang dijangkakan akan dirasmikan oleh Presiden Republik Korea.

Hadir bagi mengucapkan selamat berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah Naib Yang Dipertua PPNBD, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Ahmad serta Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap dan Pegawai Eksekutif Pengakap juga ahli keluarga delegasi PPNBD.

Delegasi PPNBD diketuai oleh Yang

Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas; Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Haji Awang Badar bin Haji Ali; Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Setia Haji A. Hapidz; Setiausaha Agung PPNBD, Awang Haji Zainuddin bin Haji Jaafar; Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap dan Pemimpin Pasukan Pengakap.

Pada persidangan kali ini, PPNBD menghantar delegasi seramai 10 orang Pemimpin Pengakap yang akan membincangkan pelbagai isu mengenai dengan pergerakan Pengakap Rantau Asia Pasifik dan Pengakap Sedunia serta mengesahkan beberapa perlembagaan.

Persidangan tiga tahun sekali ini juga akan membincangkan program pergerakan Pengakap di Rantau Asia Pasifik bagi penambahbaikan dan perkembangan pergerakan pengakap di Rantau Asia Pasifik terutamanya dalam melaksanakan plan strategik pergerakan pengakap di Rantau Asia Pasifik tahun 2015 - 2018 dan Pertubuhan Pergerakan Pengakap Sedunia.

Persidangan Pengakap Sedunia Ke-24 yang lalu telah dijalankan di Dhaka, Bangladesh pada tahun 2012.

Pada akhir persidangan nanti, keputusan hasil resolusi persidangan akan dibentangkan. Kesemua ahli-ahli pergerakan pengakap Rantau Asia Pasifik akan mengundi bagi

mengesahkan tuan rumah seterusnya bagi Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-26 tahun 2018 serta Jambori Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-32 Tahun 2021.

Di samping itu juga, pada persidangan ini nanti akan melantik beberapa ahli jawatankuasa Rantau Asia Pasifik baru bagi penggal seterusnya 2015 - 2018.

Sebelum berlangsung persidangan ini telah juga dijalankan Forum Belia Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-8 yang bermula dari 29 Oktober hingga 2 November 2015 bertempat di Suncheon Asia-Pacific Regional Scout Centre di Korea Selatan. PPNBD telah menghantar tiga orang ahli Pengakap Kelana bagi menyertainya.



DELEGASI Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) diketuai oleh Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas; Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Haji Awang Badar bin Haji Ali; Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Setia Haji A. Hapidz; Setiausaha Agung PPNBD, Awang Haji Zainuddin bin Haji Jaafar; Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap dan Pemimpin Pasukan Pengakap.

Karnival promosi Kempen 'Makan Ikan' sebagai makanan menyihatkan



KARNIVAL Perikanan sempena Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2015 yang kini berlangsung di Kompleks Pendaratan Ikan, Muara dihasrat untuk mempromosikan kempen 'Makan Ikan' sebagai sumber makanan yang menyihatkan.

Oleh : Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

MUARA, Ahad, 1 November. - Karnival Perikanan sempena Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2015 yang kini berlangsung di Kompleks Pendaratan Ikan, Muara dihasrat untuk mempromosikan Kempen 'Makan Ikan' sebagai sumber makanan yang menyihatkan.

Karnival selama lapan hari bermula hari ini hingga 8 November 2015 anjuran Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan disertai oleh pengusaha-pengusaha tempatan yang berkecimpung dalam bidang industri tangkapan ikan, akuakultur dan juga

pemprosesan ikan.

Pada tahun ini seramai lapan pengusaha dalam bidang akuakultur, tujuh dalam industri penangkapan dan 14 dalam pemprosesan menyertai karnival yang bertujuan untuk membantu pengusaha-pengusaha memasarkan produk-produk mereka, di samping mempromosikan produk-produk perikanan tempatan.

Sepanjang karnival diadakan para pengunjung boleh mendapatkan ikan-ikan segar atau produk perikanan dengan harga yang berpatutan dan ia terbuka kepada semua pengunjung sama ada dari dalam dan juga luar negara.

Karnival penjualan dibuka bagi kunjungan orang ramai bermula dari 8 pagi hingga 5 petang kecuali pada hari Jumaat yang bermula jam 8 pagi hingga 11 pagi dan disambung semula ada jam 2 petang hingga 5 petang.

Berbagai-bagai hasil tangkapan yang segar dijual seperti ikan, udang, ketam dan sotong, manakala pengusaha akuakultur menjual ikan ternakan dari air laut seperti Ikan Selungsur, Pompano, Kerapu dan Ikan Barah-Barahan.

Para pengusaha dalam sektor pemprosesan pula menjual produk-produk dari hasil perikanan seperti keropok, belacan, ikan salai, ikan-ikan kering dan lain-lain.

Ini merupakan kali ketiga karnival seumpamanya diadakan pada tahun ini.



Penternak madu kelulut jana pendapatan lebih



KELULUT ketika aktif keluar masuk dari sarangnya.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Hamzah Mohidin

MENYEBUT perkataan madu pastinya sudah terbayang dalam fikiran masing-masing dengan rasa manisnya yang enak dan hubungannya dengan lebah.

Pastinya banyak orang telah merasai dan menikmati anugerah Allah ini namun tidak banyak pula yang tahu apa khasiat dan bagaimana pula ia diperolehi.

Madu yang merupakan sejenis cecair yang keluar dari perut lebah sangat dikenali oleh berbilang orang di negara ini dan masyarakat dunia umumnya, ini selain sangat berguna sama ada bagi tujuan kesihatan tubuh badan mahupun bagi menyembuhkan pelbagai penyakit.

Malah khasiat madu ini juga turut disebutkan di dalam Al-Qur'an di dalam Surah Al-Nahl, ayat 68-69 yang kira-kira tafsirnya : Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah : "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah

dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.

Jelas madu yang berasal dari seri bunga dan tumbuhan ini adalah penawar bagi pelbagai penyakit, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang di riwayatkan oleh Al-Bukhari : "Madu adalah penyembuh bagi semua jenis sakit dan Al-Qur'an adalah penyembuh bagi semua kekusutan fikiran (sakit fikiran)."

Dari Aisyah Radhiallahuanha, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, amat gemar pada makanan yang manis-manis dan

PENGHASILAN madu kelulut direncanakan akan menjadi jenama produk Kampung Tungku / Katok, khususnya dalam menyahut seruan kerajaan untuk menjadikan satu produk satu kampung.

madu (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Justeru pentingnya khasiatnya madu dari dulu hingga sekarang tidak dapat dipertikaikan lagi cuma ini bukan saja memberikan khasiat kepada kesihatan tubuh badan malah dapat meningkatkan perekonomian.

Jika waktu dulu madu diperolehi di hutan-hutan bebas namun kini ia boleh di perolehi dengan menternak lebah di kawasan atau persekitaran rumah.

Perkara ini dapat dibuktikan dengan adanya usaha yang dihasilkan oleh penduduk-penduduk Kampung Tungku / Katok menerusi usaha penternakan atau lebih tepatnya menghasilkan madu kelulut.

Penghasilan madu kelulut ini direncanakan akan menjadi jenama produk kampung berkenaan khususnya dalam menyahut seruan kerajaan untuk menjadikan satu produk satu kampung memandangkan keterlibatan para penduduk yang semakin meningkat dan menggemarnya.

"Hasrat untuk menjayakan usaha ini bermula sejak tahun lepas melalui percubaan beberapa orang penduduk kampung dan melihat kejayaannya ia dilaratkan kepada penduduk kampung yang lain," jelas Ketua Kampung Tungku / Katok, Awang Haji Ismail bin Haji Rajab.

Ketua Kampung Tungku / Katok menjelaskan, melihat perkembangan melalui penternakan itu ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) mencadangkan agar ia dijadikan *trademark* produk kampung berkenaan dan ia telah sambutan dengan baik.

Hasil dari kesepakatan tersebut maka ditubuhkanlah satu jawatankuasa bagi penyelarasannya.

Katanya, rancangan jangka panjang ialah untuk menjadikan anak buah kampung terutama mereka yang berpendapatan rendah untuk bergiat mengusahakan penternakan ini kerana selain mudah

diusahakan, tetapi juga menjanjikan pendapatan yang baik.

"Jika usaha ini berhasil saya berharap Kampung Tungku / Katok, akan terkenal dengan madu kelulutnya dan dalam sedikit masa lagi produk ini akan dilancarkan dengan logo pengeluarannya sekali setelah usaha penanaman nenas dan tembikai suatu ketika dulu tidak dapat diteruskan oleh beberapa sebab yang tidak dapat memungkinkan," ujar beliau.

Dalam menyahut seruan ini salah seorang penduduk kampung yang bergiat aktif dalam penternakan kelulut ini ialah Awang Abd. Malik bin Haji Sijuan merupakan pesara dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sebaik saja bersara, beliau telah mengambil masa selama enam bulan untuk mempelajari selok-belok penternakan ini sama ada melalui internet, kawan-kawan malah belajar dari salah seorang pengusaha di Daerah Tutong.

Katanya, penternakan ini sangat menyeronokkan malah madu yang dihasilkan oleh lebah (kelulut) merupakan ubat selain sebagai satu kemudahan penduduk di negara ini untuk mendapatkan madu asli dengan mudah.

Dengan memakan madu setiap hari akan menyebabkan kesihatan diri sendiri bertambah.

Namun beliau menegaskan sikap yang perlu ada pada diri seorang penternak ialah sifat sabar, jujur dan mempunyai pengetahuan dalam menghasilkan madu.

Menyentuh mengenai pemasaran produk madu tersebut, beliau tidak menemui sebarang kesulitan malah permintaan orang ramai bagi produk berkenaan masih belum lagi terpenuhi sekalipun promosinya hanya melalui keluarga dan kawan-kawan walhal produk luar negeri juga bukan jadi hambatan baginya.

Beliau menyambut baik dengan munculnya penternak-penternak baru dalam penternakan ini namun sedikit mendatangkan keresahan di hatinya apabila orang ramai berlumba-lumba mendapatkan

sarangnya di hutan namun kurang mempunyai pengetahuan mengenainya.

"Yang saya takutkan ialah kemusnahan habitat (kelulut) tersebut kerana orang sekarang apabila saja terjumpa sarang akan mengambil madu sepenuhnya tanpa memikirkan masa panjangnya," ujar beliau.

Justeru bagi rancangan masa depannya beliau berharap semoga dengan pelancaran produk madu kelulut Kampung Tungku / Katok, itu nanti akan terus berjaya dan diperbesarkan penghasilannya serta memasarkannya yang sekali gus mendorong penduduk-penduduk kampung untuk terus aktif terlibat sama.

Katanya, tiada halangan bagi mana-mana penduduk dari kampung lain untuk mempelajarinya asal saja dengan niat yang betul.

Oleh itu, beliau menyarankan kepada penternak-penternak baharu yang akan memulakan usaha ini untuk mendapatkan dahulu pengetahuan termasuk risikonya serta mempelajari cara pengambilan sarang dan madunya.

Beliau yang mempunyai lebih 30 *log* (sarang) turut mengongsikan pengalaman bahawa bulan Oktober hingga Januari di negara ini kurang mendatangkan hasil kerana musim pendebungaan berkurangan namun akan menjadi lebih baik selepas bulan-bulan tersebut.

Katanya di negara ini terdapat lebih 30 jenis spesies lebah trigona (kelulut) dan antara jenis kelulut yang baik atau aktif bagi penghasilan madu ialah dari jenis *Trigona Itama* dan *Trigona Thorasica* (antadan), selain madu, dua lagi bahan lain dihasilkan oleh lebah kelulut ialah *bee bread*, iaitu campuran *polen* dengan madu, air liur dan cairan dari perut lebah yang boleh membantu masalah pencernaan dan fermentasi.

Sementara *propolis* pula merupakan campuran getah tanaman dan cairan khusus yang dikeluarkan oleh lebah dan ia dikatakan mempunyai khasiat perubatan yang tinggi.



BEGINILAH rupa sarang kelulut di bahagian atas di mana kelulut menyimpan madunya.



ANTARA *log* atau sarang-sarang kelulut yang diusahakan di kawasan rumah Awang Abd. Malik bin Haji Sijuan.

PENGURUSAN kehadiran dan kedatangan merupakan satu perkara yang amat dititikberatkan di setiap Kementerian dan jabatan kerajaan. Setiap Kementerian dan jabatan memperkenalkan sistem pengurusan kehadiran dan kedatangan bekerja mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing. Apa yang penting Kementerian dan jabatan hendaklah mempunyai sistem kaedah kehadiran dan kedatangan serta keberadaan yang sentiasa dikawal dan dipantau secara berterusan dan mengambil tindakan yang bersesuaian bagi pegawai dan kakitangan yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Kementerian Pertahanan adalah satu agensi dari beberapa agensi yang memperkenalkan pengurusan kehadiran waktu bekerja. Kementerian ini menggunakan dua jenis sistem kedatangan, iaitu 'Punch Card' (gambar 1) dan Buku Catatan (gambar 2).

KAEDAH PUNCH CARD DAN BUKU CATATAN

Kaedah 'Punch Card' ini menandakan waktu kedatangan tepat pada jam dan tarikh pegawai dan kakitangan masuk atau keluar. Dengan adanya tanda warna yang berbeza (warna hitam bagi tepat kedatangan dan warna merah bagi tidak tepat) dapat melihat kekerapan ketepatan kehadiran pegawai dan kakitangan berkenaan.

Manakala kaedah Buku Catatan dapat mempamerkan susunan kedatangan dan seterusnya dapat mengenal pasti pegawai dan kakitangan yang awal dan akhir datang.

Sistem 'Punch Card' digunakan di Ibu Pejabat Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan Bolikiah Garison, manakala di pejabat-pejabat pentadbiran awam di kem-kem tentera menggunakan Buku Catatan.

Catatan ini akan dipindah ke perisian MS Excel bagi membolehkan laporan kedatangan dapat dijana. Laporan ini akan digunakan oleh pihak pengurusan bagi menganalisa dan memantau trend kedatangan pegawai dan kakitangan. Laporan ini juga diperlukan bagi penilaian prestasi dalam ciri ketaatan waktu bekerja : Dinilai dari segi datang / keluar waktu kerja dan kehadiran dalam pejabat. Peratus kedatangan akan direkod ke dalam penilaian prestasi supaya lebih telus dan objektif. Bagi pegawai dan kakitangan yang mempunyai peratus melebihi 100% juga akan direkodkan sebagai memberikan pengiktirafan ketaatan waktu bekerja yang diperolehi. Pengiraan jumlah yang berserta rajah (*graph*) akan dikira secara automatik melalui MS Excel.

PEMANTAUAN

Jabatanarah ini telah mengendalikan pemantauan pada semua kedatangan kerja pegawai dan kakitangan dengan menggunakan kaedah sistem 'Punch Card' dan Buku Catatan.

Melalui kaedah sistem ini dapatlah

Pegawai dan Kakitangan		JUMUAT (TARIKH)										Jumlah peribadi		Kecenderungan	
MA	Jumlah	SENI PAGI					SENI PETANG					Jumlah peribadi		Kecenderungan	
		Nota	IN	OUT	Nota	Nota	IN	OUT	Nota	Nota	Nota	Nota	Nota	Nota	Nota
N	7:07	11:56				13:31	16:33					36:47	28:30	7:17	0
												25:5	28:30	3:25	1
	7:38	11:48	Y			14:27	16:16	Y				14:57	13:30	1:27	1
												0:0	0:0	0:0	0
	7:35	12:30				14:00	14:42	Y			Y	14:36	13:30	1:6	1
	7:29	11:52				14:34	16:49	Y				29:31	21:0	8:31	2
	7:46	11:45				14:43	16:49					30:58	28:30	2:28	2
	7:27	12:51				12:51	16:16					37:28	28:30	8:58	3
											Y	0:0	0:0	0:0	0
	7:58	11:36	Y					Y				27:39	28:30	0:51	3
I	7:08	11:32				13:54	16:41					32:40	28:30	4:10	2
											Y	0:0	0:0	0:0	0
	7:35	11:53				14:34	16:16					33:9	13:30	19:39	1
	7:07	11:32				14:24	17:10					31:21	28:30	2:51	0
	7:47	11:45	Y			14:29	16:41					21:23	21:0	0:23	2
	8:02	11:34	Y			14:31	16:31					28:49	28:30	0:19	3
	7:31	11:37				14:30	17:10					29:54	28:30	1:24	2
	7:07	11:30				14:34	16:30					27:9	28:30	1:21	3
			Y			14:33	16:49					24:22	28:30	4:8	1
															2

LAPORAN kedatangan dijana menggunakan perisian MS EXCEL.

Sistem kedatangan di Kementerian Pertahanan



SISTEM kedatangan 'Punch Card'.



SISTEM kedatangan Buku Catatan.

diteliti ketepatan dan keberadaan di pejabat (7 ½ jam sehari). Maklumat

yang diperolehi akan dijadikan asas tindakan selanjutnya seperti pemantauan kehadiran untuk penilaian prestasi pegawai dan kakitangan awam.

Pegawai dan kakitangan yang kerap kali tidak menepati waktu bekerja atau berada di pejabat kurang tempoh jam yang ditetapkan, maka pegawai dan kakitangan berkenaan akan dipanggil dan ditegur secara lisan.

Bagi pegawai dan kakitangan yang lewat (berhutang jam) hendaklah membayar balik sama ada dengan bekerja lebih masa tanpa dibayar elau lebih masa atau dengan memotong dari baki Cuti Tahunan. Manakala bagi yang mempunyai lebih masa bekerja boleh mengambil *off-in-lieu* atau kebenaran keluar bagi urusan-urusan tidak rasmi dan persendirian dengan syarat tidak menjejaskan kerja-



SISTEM pemantauan kedatangan yang dikenali sebagai 'IDEAS' ketika ini digunakan di Pejabat Pentadbiran Awam di Perkhemahan Tentera Udara Diraja Brunei sebagai projek perintis.

kerjanya.

Mana-mana pegawai dan kakitangan memohon untuk keluar pejabat sama ada atas urusan peribadi, perjanjian dan lain-lain masalah lagi, hendaklah mendapatkan kebenaran dari pegawai atasan terlebih dahulu selewat-lewatnya satu jam sebelum meninggalkan pejabat dan disarankan untuk membuat catatan di dalam buku keluar / masuk seperti yang telah disediakan di kaunter hadapan.

Jika seorang pegawai dan kakitangan itu keluar pejabat atas urusan peribadi yang munasabah semasa waktu pejabat yang memerlukan masa setengah hari sama ada sebelah pagi atau petang maka dikehendaki memohon cuti satu hari.

Jabatanarah juga telah mengadakan jerayawara tatatertib bagi memberi kefahaman dan kesedaran mengenai dengan tindakan tatatertib yang akan diambil dengan memberi penekanan kepada kehadiran waktu bekerja.

Jika sekiranya mana-mana pegawai dan kakitangan Jabatanarah ini yang didapati akhir datang atau awal keluar pejabat tanpa alasan munasabah atau keluar pejabat tanpa kebenaran, Jabatanarah ini tidak teragak-agak mengambil tindakan untuk diberikan nasihat dan diarahkan untuk membuat tunjuk sebab. Jika kelakuanya tidak berubah masih berterusan dan tidak diendahkan, maka pihak pentadbiran di Jabatanarah ini mengeluarkan peringatan secara lisan dan bertulis. Manakala bagi pegawai dan kakitangan yang tidak hadir bekerja tanpa kebenaran akan diambil tindakan tatatertib mengikut peraturan yang berjalan pada masa ini.

Jika pegawai dan kakitangan Jabatanarah ini bertujuan keluar pada waktu pejabat di atas urusan tertentu, pegawai dan kakitangan Jabatanarah ini adalah dikehendaki mengisikan borang khas yang telah disediakan. Pemantauan kedatangan yang berterusan telah dilaksanakan oleh Jabatanarah ini dari semasa ke semasa.

'IDEAS'

Walau bagaimanapun, bagi memastikan laporan kedatangan yang diterima dari semua bahagian adalah betul, tepat dan dapat dipercayai, Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia telah pun memperkenalkan sistem pemantauan kedatangan yang dikenali sebagai 'IDEAS' (Integrated

BORANG KEDAH PENTAHAN / KADATANGAN AWAM
JABATAN PENTAHAN DAN TENAGA MANUSIA
(BU PEJABAT IPTM (TINGKAT 1) BUKU C)

NAMA PEMOHON: _____
JAWATAN: _____
TARIKH KELUAR: _____
TARIKH MASUK: _____
JAM MASUK: _____
JAM KELUAR: _____
REMARKS: _____

BORANG KEDAH PENTAHAN / KADATANGAN AWAM
JABATAN PENTAHAN DAN TENAGA MANUSIA
(BU PEJABAT IPTM (TINGKAT 1) BUKU C)

NAMA PEMOHON: _____
JAWATAN: _____
TARIKH KELUAR: _____
TARIKH MASUK: _____
JAM MASUK: _____
JAM KELUAR: _____
REMARKS: _____

BORANG khas yang perlu diisi jika keluar pada waktu pejabat.

Data Employee Attendance System) yang mana dicadangkan untuk digunakan oleh Pejabat Pentadbiran Awam di setiap perkhemahan. Pada masa ini, sistem tersebut digunakan di Pejabat Pentadbiran Awam di Perkhemahan Tentera Udara Diraja Brunei sebagai projek perintis (rujuk gambar 6).

'IDEAS' merupakan satu sistem berkomputer yang mencatat waktu kehadiran datang dan balik pegawai dan kakitangan Jabatanarah ini. Sistem ini berkebolehan dalam menyediakan laporan kehadiran, waktu datang / balik dan waktu keluar / masuk pejabat pegawai dan kakitangan. Ia dilengkapi dengan kamera yang akan menangkap gambar pegawai dan kakitangan yang mendaftar kedatangan ke dalam sistem.

Laporan bulanan dari setiap Ketua Bahagian akan diserahkan ke Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia. Tindakan yang bersesuaian akan diambil jika perlu. Selain dari itu, penekanan juga sentiasa diberikan ke atas pegawai dan kakitangan terhadap kepentingan menjaga masa bekerja yang telah diperuntukkan dan ditetapkan (rujuk gambar 7).

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (bermaksud) :
"Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala suka orang yang bekerja apabila bekerja ia sentiasa memperbaiki mutu prestasinya."
(Riwayat Al-Baihaqi).

Pendedahan aspek kepimpinan berkualiti


Oleh : Khartini Hamir, Hajah Norizan Mahal
Foto : Masri Osman

BERAKAS, Isnin, 2 November. - Penceramah undangan, Dr. Marshall Goldsmith, salah seorang Top Ten World Business Thinkers dan Pemimpin Eksekutif Atasan dalam ceramahnya yang bertajuk 'Developing Ourselves, Our People and Our Engagement' merangkumi lima aspek kualiti baharu pemimpin dunia pada masa hadapan.

Pertama menurutnya bagaimana

untuk menggunakan model yang terbukti boleh digunakan untuk membangunkan diri sendiri sebagai pemimpin.

Kedua jelasnya, memimpin orang lain dan membina perkongsian; ketiga mencapai matlamat peribadi; keempat ialah meningkatkan penglibatan pekerja menggunakan proses soalan setiap hari dan kelima tambahnya cara menggunakan konsep utama untuk



PENCERAMAH undangan, Dr. Marshall Goldsmith ketika menyampaikan ceramah bertajuk 'Developing Ourselves, Our People and Our Engagement'.



ANTARA yang hadir pada siri ceramah itu ialah Setiausaha Tetap (Hal Ehwal dan Korporat dan Pertadbiran Awam), JPM, Awang Yahya bin Haji Idris; Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan.

menjadi pemimpin yang lebih berkesan.

Beliau antara lain mendedahkan hal itu ketika diundang untuk berceramah anjuran Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) diadakan di Cesar Grand Hall, The Orchid Garden Hotel, di sini.

Dr. Marshall Goldsmith adalah pengarang dan penyunting bagi 35 buah buku yang laris terjual lebih dari dua juta salinan dan diterjemahkan ke dalam 30 bahasa serta menjadi sebagai buku terlaris di 12 buah negara dan beliau telah menulis dua New York Times bestsellers, iaitu 'MOJO' dan 'What Got You Here Won't Get You There - Wall Street Journal #1' serta merupakan pemenang Anugerah Longman Harold untuk Perniagaan Book of the Year.

Buku terbaharu beliau 'Trigger : Creating Behavior that Lasts - Becoming the Person You Want to Be'

diterbitkan pada 19 Mei 2015 lalu.

Dr. Goldsmith juga merupakan pemegang Ph.D dari UCLA Anderson School of Management di mana beliau telah diiktiraf sebagai Alumni Cemerlang Terbaik. Beliau mengajar pendidikan eksekutif di Tuck School Dartmouth dalam bidang Perniagaan, di samping itu, beliau adalah salah seorang daripada beberapa penasihat eksekutif yang telah diminta untuk bekerja dengan lebih 150 Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Utama dan pasukan pengurusan mereka.

Ceramah itu dibahagikan kepada tiga sesi di mana sesi pertama sebelah pagi dihadiri oleh Setiausaha Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan ketua-ketua pengarah, manakala sesi kedua dihadiri oleh ketua-ketua jabatan dan sesi petang dihadiri oleh pegawai-pegawai peringkat pertengahan termasuk pegawai-

pegawai pentadbiran.

Antara yang hadir pada siri kuliah berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Hal Ehwal dan Korporat dan Pertadbiran Awam), JPM, Awang Yahya bin Haji Idris; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah.

Juga hadir Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Pertahanan; Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan serta ketua-ketua pengarah dari Kementerian Pendidikan; Jabatan Perkhidmatan Kesihatan; Jabatan Perkhidmatan Perubatan; Jabatan Perkhidmatan Awam; Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dan Jabatan Kerja Raya.

Akuakultur tarik minat mahasiswa UBD



MAHASISWA-MAHASISWI UBD menyaksikan pekerja-pekerja ternakan udang menjalankan tugas mereka semasa lawatan ke Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd.

TUTONG, Selasa, 3 November. - Seramai 20 mahasiswa Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengadakan lawatan ke Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd. pada 28

Oktober lalu sebagai sebahagian daripada modul 'Pemuliharaan dan Pengurusan Sumber Kehidupan' mereka bagi memahami pengkomersialan akuakultur dan

proses penghasilan makanan laut di Daerah Tutong.

Bidang Akuakultur dan pemprosesan makanan laut merupakan perniagaan utama Syarikat Golden

Corporation Sdn. Bhd. yang termasuk pertanian, peneaian dan pemprosesan ikan dan udang.

Syarikat ini memberi perhatian yang serius terhadap masalah alam sekitar dan cuba untuk mewujudkan industri perikanan yang mampan untuk masa depan.

Di peringkat global, akuakultur semakin menjadi penting dalam menghasilkan makanan laut untuk manusia. Dalam hubungan itu juga, mahasiswa UBD kini mempelajari tentang akuakultur bukan sahaja sebagai manfaat komersial, tetapi juga isu-isu alam sekitar yang berpotensi.

Lawatan tersebut diketuai oleh kakitangan akademik di Fakulti Sains, iaitu Dr. Yasuaki Tanaka dan Dr. Gianluca Polgar.

Menurut Dr. Yasuaki, akuakultur berkemungkinan boleh melibatkan risiko untuk mencemarkan persekitaran semula jadi dan juga mampu merosotkan kualiti produk makanan laut.

Untuk itu tambahnya, adalah penting bagi mahasiswa untuk belajar kaedah mesra alam dan strategi ke arah kemampanan akuakultur.

Ketibaan rombongan di syarikat tersebut dialu-alukan oleh pihak pengurusan dan kakitangan Golden Corporation Sdn. Bhd. dan dibawa melawat melihat kemudahan-kemudahan yang terdapat di syarikat tersebut.

Para mahasiswa juga diberi taklimat

mengenai pencapaian syarikat, operasi harian serta rancangan pengembangan Golden Corporation Sdn. Bhd.

Semasa lawatan tersebut, para mahasiswa juga melawat Ladang Udang Hoi Golden Corporation Sdn. Bhd. dan mempelajari kaedah dan prosedur praktikal untuk meningkatkan *blue shrimps* dari pascalarva kepada udang dewasa.

Rombongan seterusnya melawat ke kilang pemprosesan Golden Corporation Sdn. Bhd., di mana mereka menyaksikan proses penghasilan makanan laut dari koridor berdingin kaca.

Pengurus Pentadbiran dan Sumber Tenaga, Dayang Siti Khadijah binti Abdullah @ Jaybee menjelaskan bahawa syarikat berkenaan memberi penekanan kepada keselamatan dan kebersihan di persekitaran kerja dan kilang dilengkapi dengan kemudahan yang kerap menguji kualiti produk makanan laut.

Sementara itu, Dr. Yasuaki berkata, lawatan adalah satu pengalaman yang berguna kepada mahasiswa untuk mempelajari operasi ladang udang dan kilang pemprosesan dan mereka juga ditugaskan untuk menghasilkan laporan mengenai lawatan dan mengembangkan idea-idea mereka untuk memenuhi permintaan dunia terhadap makanan laut untuk masa depan.

Kerjasama pertahanan NBD - Singapura terus kukuh



KETUA Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Republik Singapura (ABRS), Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Perry Lim Cheng Yeow mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Pertahanan, Angkatan Bersenjata Republik Singapura (ABRS) yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Perry Lim Cheng Yeow.

Sejurus tiba di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, TYT Mejar Jeneral Perry Lim Cheng Yeow disambut dengan Upacara Kawalan Kehormatan terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Semasa di kementerian itu, TYT Mejar Jeneral Perry Lim Cheng Yeow telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.

Sementara itu, pada acara yang berasingan, Ketua Turus Pertahanan, ABRS juga mengadakan kunjungan pengenalan rasmi kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Hubungan yang sangat baik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura di dalam kerjasama pertahanan dibina melalui pelbagai aktiviti antara ABDB dan ABRS seperti latihan dua hala, lawatan, pertukaran program-program profesional dan usahasama-usahasama yang lain.

Interaksi ini telah mengukuhkan hubungan serta keakraban antara anggota-anggota kedua-dua angkatan tentera.

Lawatan Ketua Turus Pertahanan, ABRS ini antara lain bertujuan untuk meneruskan hubungan dua hala kedua-dua buah negara yang telah lama terjalin dan peluang mereka untuk meneroka bidang kerjasama ketenteraan antara ABDB dan ABRS.

TYT Mejar Jeneral Perry Lim Cheng Yeow merupakan Ketua Turus Pertahanan, ABRS yang kesembilan dan terkini setelah beliau mengambil alih perintah ABRS dari Ketua Turus Pertahanan, ABRS terdahulu iaitu Leftenan Jeneral Ng Chee Meng, yang mana TYT Mejar Jeneral Perry Lim Cheng Yeow sebelum ini ialah mengetuai Tentera Darat Republik Singapura.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Hubungan kerjasama dua hala bidang pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terus diperkukuhkan bagi kepentingan kedua-dua buah negara.

Sehubungan itu, Kementerian Pertahanan hari ini menerima lawatan rasmi daripada Ketua Turus

KETUA Turus Pertahanan, ABRS, TYT Mejar Jeneral Perry Lim Cheng Yeow mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.



Perkhidmatan Berkhatan pada musim cuti persekolahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa Perkhidmatan Berkhatan pada musim cuti persekolahan penggal ketiga tahun 2015 akan bermula pada 27 November hingga 27 Disember 2015.

Pendaftaran dan pemeriksaan bagi kanak-kanak yang akan berkhatan bermula pada 17 hingga 27 November 2015 dibukakan dari jam 8.15 pagi hingga 11.15 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang (pada waktu hari bekerja sahaja) bertempat di Unit Berkhatan, Bilik Pembedahan (Blok 5, Tingkat 1), Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS).

Sehubungan itu, ibu bapa atau penjaga hendaklah membawa bersama anak mereka berserta salinan surat beranak dan kad Bru-HIMS semasa membuat pendaftaran bagi pemeriksaan kesihatan.

Orang ramai juga boleh menghubungi pegawai-pegawai pengkhatan yang bertugas di Unit Berkhatan, Bilik Bedah, Tingkat 1, Hospital RIPAS melalui talian 2242424 sambungan 1484 atau Ketua Pusat Berkhatan melalui talian 7174332.



KETUA Turus Pertahanan, ABRS, TYT Mejar Jeneral Perry Lim Cheng Yeow semasa memeriksa perbarisan.

Kemajuan pelabuhan penting bagi pertumbuhan ekonomi



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyampaikan ucap tama pada Majlis Perasmian Mesyuarat Persatuan Pelabuhan-Pelabuhan ASEAN (APA) Kali Ke-14.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri haji Awang Abas

Dari muka 1

Hubungan kukuh setiap ahli-ahli pelabuhan APA katanya, diharap boleh meningkatkan daya saing dan prestasi lain untuk memastikan ketahanan (survivability) di pelabuhan dan perkapalan industri yang semakin mencabar disebabkan oleh perubahan pesat perdagangan dunia dan ekonomi.

Kesalinghubungan ujarnya, adalah penting bagi ASEAN untuk merealisasikan integrasi ASEAN, pembinaan komuniti ASEAN dan memastikan keutamaan ASEAN di

serantau yang berkembang dan dinamik ini.

Mesyuarat dua hari yang bermula hari ini, telah dihadiri oleh kira-kira 65 delegasi termasuk pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wakil-wakil pegawai pelabuhan ASEAN.

Delegasi Negara Brunei Darussalam telah diketuai oleh Pemangku Pengarah Pelabuhan, Haji Awang Bujang bin Haji Tingkong, manakala Jawatankuasa Penganjur telah dipengerusikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Pelabuhan, Awang Helmi bin Haji Talib.

APA mula diadakan di Manila, Filipina pada bulan September 1975 dan sehingga hari ini terdiri dari sembilan negara anggota ASEAN, iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengerusi APA, Mr. Juan C. Sta. Ana dari Autoriti Pelabuhan Filipina telah membincangkan beberapa laporan antaranya perbelanjaan kewangan APA bagi tahun 2016, Program Strategik APA, Perkembangan Pelabuhan yang Mapan serta Pertukaran dan Penghantaran Maklumat secara Elektronik.

UCAPAN Pembukaan daripada Pengerusi APA, Mr. Juan C. Sta. Ana dari Autoriti Pelabuhan Filipina.



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza ketika merasmikan Mesyuarat APA Kali Ke-14.



SUASANA ketika Mesyuarat APA Ke-14 diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun.



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza ketika sesi bergambar ramai bersama pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wakil-wakil pegawai pelabuhan ASEAN pada majlis berkenaan.

TelBru DMR - perkhidmatan radio dua hala tawarkan ciri-ciri menarik



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, yang juga selaku ahli lembaga TelBru semasa melancarkan produk terbaharu TelBru Digital Mobile Radio (DMR).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Hajah Norizan Mahal
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Telekom Brunei Berhad (TelBru) terus berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan selaras dengan objektifnya bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggannya.

Sehubungan itu, TelBru hari ini melancarkan satu lagi produk terbaharunya, iaitu TelBru Digital Mobile Radio (DMR) yang merupakan perkhidmatan radio dua hala yang menawarkan ciri-ciri menarik yang boleh memenuhi keperluan asas kediaman pelanggan dan keperluan perniagaan untuk pelanggan korporat dan kerajaan.

Peranti TelBru DMR terbaharu ini menawarkan perkhidmatan MotoTrbo XRD P8668 (Portable) dan MotoTrbo XRD M8628 (Mudah Alih) dikuasakan oleh Motorola.

Majlis pelancarannya disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, yang juga selaku Ahli Lembaga TelBru, berlangsung di Dewan Tarindak D'Seni, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.



KETUA Pegawai Pemasaran TelBru, Lim Ming Soon semasa membuat demonstrasi mengenai penggunaan TelBru DMR.

Dalam ucapan alu-aluan Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, David Kay menjelaskan bahawa meningkatkan perkhidmatan pelanggan secara berterusan dan untuk mewujudkan pengalaman pelanggan yang cemerlang adalah antara objektif TelBru.

Jelas beliau lagi, dengan menawarkan lebih banyak produk dan perkhidmatan, maka komunikasi bersama para pelanggan akan lebih kerap dan rapat.

"Majlis pagi ini adalah salah satu saluran di mana kami boleh memahami pelanggan kami dengan lebih baik, menjalin hubungan kerja yang baik dan menawarkan penyelesaian yang terbaik untuk keperluan para pelanggan," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Pemasaran TelBru, Lim Ming Soon semasa demonstrasi pembentangan beliau mengenai produk tersebut memberi penekanan kepada ciri-ciri penting dan unsur-unsur TelBru DMR seperti kalis air, kalis kejutan dan kalis habuk.

Beliau juga menambah, salah satu ciri-ciri utama TelBru DMR adalah Sistem Lokasi Kenderaan Automatik (AVLS) di mana pengguna boleh mengesan lokasi radio, dapat menyimpan rekod lokasi kenderaan tertentu dalam tempoh masa yang dinyatakan, dapat mengesan butiran animasi dengan mengetahui trek laluan kenderaan, Geo Fencing yang dapat mengesan kenderaan dan pemberitahuan had laju.

Selain itu, ciri-ciri utama lain adalah ciri-ciri SMS di mana pengguna boleh menghantar dan menerima SMS dalam Talk Group, perkhidmatan tambah nilai mereka yang boleh dilanggan termasuk panggilan persendirian, Kumpulan Talk tambahan, Pemantauan Jauh, melumpuhkan atau membolehkan arahan radio, dan ciri Multi Channel.

Sejurus pelancaran, tetamu kehormat dan para tetamu yang hadir telah dibawa melawat bagi menyaksikan pameran-pameran yang disediakan.

Pakej sewa perkhidmatan termasuk Liputan Seluruh Negara yang berharga BND45 setiap bulan atau Liputan Daerah yang berharga BND25 setiap bulan.

Maklumat lanjut mengenai butir-butir perkhidmatan dan caj sewa boleh



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

didapati di laman sesawang di www.telbru.com.bn atau dengan menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan melalui talian 111.

Orang ramai yang berminat juga boleh berkunjung ke mana-mana cawangan TelBru untuk memohon perkhidmatan.

Majlis pelancaran produk terbaharu TelBru juga diselenggarakan dengan acara makan tengah hari bagi pelanggan-pelanggan korporat yang sedia ada dan pelanggan TelBru yang berpotensi.

Acara tersebut antara lain adalah sebagai saluran rangkaian untuk ketua-ketua pelanggan korporat TelBru berinteraksi secara peribadi dengan pengurusan TelBru dan dapat menangani apa-apa perkara yang boleh dibina untuk peningkatan masa depan, selain sebagai rasa penghargaan atas kesetiaan dan sokongan mereka terhadap TelBru.



TIMBALAN Menteri Pembangunan semasa diberikan penerangan mengenai fungsi dan juga penggunaan peranti TelBru DMR.

Sekolah pedalaman Daerah Tutong terima lawatan JPI



KETUA Bahagian Kenaziran Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Hasbi bin Haji Mohd. Suhaily menyampaikan sumbangan berupa alat tulis daripada pegawai kenaziran daerah tersebut.

TUTONG, Selasa, 3 November. - Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Tutong telah

mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Rendah Binutan, Sekolah Rendah Panchong dan Sekolah Ugama Panchong.

Lawatan itu bertujuan bagi meninjau perjalanan pengurusan Ketua Guru Ugama (IRK) dan perkembangan pengajaran dan pembelajaran guru-guru IRK yang ditempatkan bertugas di sekolah-sekolah berkenaan.

Ia juga adalah untuk berbincang dan berkongsi sama dengan guru-guru IRK dari sudut pengajaran dan pengurusan.

Pada lawatan tersebut, Ketua Bahagian Kenaziran JPI, Awang Haji Hasbi bin Haji Mohd. Suhaily turut menyampaikan sedikit sumbangan berupa alat tulis daripada pegawai kenaziran daerah tersebut.

SPA perkenalkan kaedah Ujian Psikometrik



PEGAWAI Kerja di Bahagian Pengambilan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Awang Syahmi Halimshah semasa ditemu bual oleh pihak media tempatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 November. - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah memperkenalkan kaedah baru ujian penilaian bagi jawatan-jawatan dalam Bahagian II dan ke atas dengan menggunakan kaedah Ujian Psikometrik atau ujian secara *online*.

Ujian Psikometrik adalah satu kaedah standard dan saintifik bagi mengukur keupayaan mental dan gaya tingkah laku serta kebolehan semula

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

jadi (*innate ability*) dan kebolehan yang diperolehi / dipelajari seseorang individu dari segi minat, sikap, personaliti, kecenderungan, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Kaedah ini digunakan secara meluas dalam sistem pengambilan tenaga kerja baharu di negara-negara lain.

Pegawai Kerja di Bahagian Pengambilan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Awang Syahmi Halimshah dalam temu bual bersama pihak media menjelaskan bahawa Pejabat Suruhanjaya melangkah setapak lagi ke hadapan dengan mengadakan ujian secara *online*.

Kaedah tersebut, jelasnya, digunakan untuk menguji keupayaan calon-calon dari segi mental, kebolehan menyelesaikan masalah soalan-soalan yang diberikan.

Menurutnya, Ujian Psikometrik mempunyai tiga komponen, iaitu Ujian Verbal Reasoning Test, Ujian Numerical Reasoning dan Ujian Inductive Reasoning.

Ketiga-tiga ujian ini, tambahnya, merupakan komponen penting dalam menilai kebolehan calon tersebut, dan merupakan kaedah standard yang digunakan secara meluas oleh negara-negara jiran sama ada dalam kemasukan dalam Perkhidmatan

Awam, kemasukan dalam universiti dan sebagainya.

Beliau menjelaskan, kaedah ini juga digunakan bagi menilai calon-calon yang layak, dan SPA menggunakan kaedah ini adalah supaya proses pengambilan ke dalam Perkhidmatan Awam itu menjadi lebih cepat dan sekali gus dapat mencari calon-calon yang lebih sesuai dan berkaliber untuk berkhidmat kedalam Perkhidmatan Awam.

Ujian Psikometrik telah mula digunakan di Pejabat SPA pada 25 Mei 2015. Pada mulanya, Ujian Psikometrik dikendalikan secara manual menggunakan format pensel dan kertas dan pada 20 Oktober 2015, ujian tersebut mula menggunakan sistem dalam talian (*online*).

Ujian tersebut adalah salah satu inisiatif dan usaha berterusan Pejabat SPA dalam memperbaiki sistem pemilihan calon-calon yang layak dan terbaik untuk dipilih bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan yang ditawarkan oleh kementerian / jabatan dan mengurangkan 'Job Mismatch'.



UJIAN Psikometrik mempunyai tiga komponen, iaitu Ujian Verbal Reasoning Test, Ujian Numerical Reasoning dan Ujian Inductive Reasoning.

Dalam pada itu, pelaksanaan kaedah ini akan dapat meningkatkan keberkesanan dan mempercepatkan proses pengisian jawatan-jawatan yang dikendalikan oleh Pejabat Suruhanjaya Awam.

Selain itu, ujian ini juga membantu untuk mencapai objektif pelaksanaan

Sistem PSC Recruitment, iaitu sistem pengambilan dalam talian yang telah dilaksanakan sejak 4 Mac 2015 dan melalui kaedah ini markah calon-calon yang menduduki ujian dengan mudah dimuat naik ke dalam sistem PSC Recruitment bagi proses pengisian selanjutnya.



UJIAN Psikometrik adalah satu kaedah standard dan saintifik bagi mengukur keupayaan mental dan gaya tingkah laku seseorang individu dalam sistem pengambilan tenaga kerja baharu.



UJIAN Psikometrik di Pejabat SPA mula digunakan secara dalam talian (*online*) sejak 20 Oktober 2015.

BMC serikan Sambutan Awal Tahun Hijrah

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Jumaat, 30 Oktober. - Syarikat Methanol Brunei Sdn. Bhd. (BMC) telah mengadakan ceramah agama bersempena memperingati Awal Tahun Baharu 1437 Hijrah yang diadakan di Bangunan Pentadbiran BMC, Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK).

Hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif BMC, Awang Daud bin Haji Jais serta para pegawai dan kakitangan BMC.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti dengan bacaan Surah Al-Jinn dan terjemahannya oleh Awang Muhd. Alif Akmal Anbarie bin Mahmod salah seorang kakitangan teknikal BMC.

Majlis diserikan dengan ceramah yang disampaikan oleh Awang Hilmi Baihaqi bin Haji Yussof dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri

Begawan (KUPU SB) yang antara lain mengongsikan mengenai definisi Hijrah dan manfaat berbuat kebaikan.



CERAMAH disampaikan oleh Awang Hilmi Baihaqi bin Haji Yussof dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.



TIMBALAN Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Methanol Brunei Sdn. Bhd. (BMC), Awang Daud bin Haji Jais serta pegawai dan kakitangan BMC antara yang hadir pada ceramah agama bersempena memperingati Awal Tahun Baharu 1437 Hijrah.

Pameran Tradisi Lisan Brunei kongsi hasil penyelidikan

Oleh : Mariani Haji Abd. Ghani,
Nurul Nadzirah binti Haji Mahadin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

Batu Tarsilah, Makam Sultan Bolkiah, Makam Raja Ayang juga sedutan rakaman di sebalik penyelidikan dan tayangan dokumentari siri Legenda.

TUNGKU LINK, Selasa, 3 November. - Pameran Tradisi Lisan Brunei memberi pendedahan kepada orang ramai tentang hasil penyelidikan dan memberi peluang komunikasi para pelawat dalam mengongsikan hasil penyelidikan yang ditemui dan menggalakkan mahasiswa / mahasiswi berfikir secara kritis berdasarkan kepada bukti-bukti yang ada.

Pameran berkenaan diungkuayahkan oleh Program Kesusasteraan Melayu dan Program Bahasa Kesusasteraan dan Kesenian Melayu (PBKKM), melalui Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang telah berlangsung di Inspiring Hall, Student Centre, UBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu. Pameran ini adalah sebahagian dari tugas Modul AS5201 Penulisan Akademik di bawah penyeliaan Dr. Maslin bin Haji Jukim.

Sehubungan itu, pameran ini memaparkan tentang penemuan penyelidikan yang telah dilakukan oleh seramai 20 calon Ijazah Sarjana Kesusasteraan Melayu, UBD yang terdiri daripada tiga kumpulan pembentangan hasil dari lawatan sambil belajar di tiga buah tempat tapak sejarah.

Semasa pameran berlangsung, para calon Ijazah Sarjana masing-masing menyampaikan hasil kajian mereka.

Sebanyak lima bahagian utama pameran yang dipamerkan, iaitu penemuan penyelidikan mengenai



PENGARAH Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu semasa meninjau Pameran Tradisi Lisan Brunei hasil penyelidikan 20 calon Ijazah Sarjana Kesusasteraan Melayu, UBD (atas dan atas kanan).



PENGARAH RTB, Awang Haji Muhammad Suffian semasa sesi bergambar ramai pada Pameran Tradisi Lisan Brunei yang berlangsung di Inspiring Hall, Student Centre, UBD.



Turut hadir ialah wakil-wakil dari Pusat Sejarah; Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei; PenBorneo; para pensyarah UBD; para guru sekolah-sekolah tingkatan enam dan menengah.

Pameran yang diadakan bagi hari ini

sahaja telah dibukakan kepada kunjungan orang ramai mulai jam 9 pagi hingga 4.30 petang.

Terdahulu, Seminar Tradisi Lisan Brunei telah pun dilaksanakan pada 20 Oktober yang lalu.

Mohd. Habibullah bin Zuadi juara catur

Oleh : Mariani Haji Abd Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 November. - Pelajar dari Sekolah Rendah Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching, Mohd. Habibullah bin

Zuadi merangkul juara perseorangan Kejohanan Catur Jemputan Antara Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan dan Pendidikan Swasta Tahun 2015.

Naib johan dimenangi oleh pelajar dari Sekolah Rendah Sinaut, Tutong, Md. Hafizul Haziq bin Muhd Sharin, manakala tempat ketiga disandang oleh pelajar dari Sekolah Rendah Puni, Temburong, Md. Nezri Bin Azman.

Sementara itu, juara berkumpulan milik Sekolah Rendah Haji Mohd.



PENOLONG Pengarah, Pengurusan Prestasi Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Nudin bin Haji Mohamad bergambar ramai bersama pelajar-pelajar terdiri daripada Muhd. Yusri Sayfeddin bin Yusoff, Mohd. Habibullah bin Zuadi, Muhd. Aziem Darwisy bin Sumardi dan Mohd. Hijazy Zulfaqar bin Mahzan dari Sekolah Rendah Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching, Jalan Muara setelah muncul juara berkumpulan dalam kejohanan catur berkenaan.



PENOLONG Pengarah, Pengurusan Prestasi Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Nudin semasa menyampaikan medal dan sijil kepada Mohd. Habibullah bin Zuadi, pelajar dari Sekolah Rendah Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching.

